

7 Oktober 2020

ICI Ref: R9318/18-3/ FGV Holdings Berhad – Kompleks Adela grouping – ASA-02

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pengawasan Tahunan RSPO (ASA-02) ke atas FGV Holdings Berhad (Nombor Keahlian RSPO: 1-0225-16-000-00), Unit Pengurusan Ladang – kumpulan Kompleks Adela, Kota Tinggi, Johor, Malaysia

FGV Holdings Berhad telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Unit Pengurusan Ladang PMU, Kompleks Triang grouping bagi memenuhi keperluan dan selaras dengan Interpretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI 2019) bagi Kilang Sawit.

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-02) FGV Holdings Berhad, Unit Pengurusan Ladang, kumpulan Kompleks Adela pada 10 – 13 Nov 2020.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan RSPO P&C, MYNI dan RSPO SCCS secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian FGV Holdings Berhad, Unit Pengurusan Ladang, kumpulan Kompleks Adela. Unit bagi pensijilan ini terletak di Kota Tinggi, Johor, Malaysia.

Secara ringkas, FGV Holdings Berhad adalah ahli kepada RSPO pada 27 Disember 2016 dan komited untuk mematuhi sepenuhnya RSPO P&C dan juga pensijilan penuh di dalam semua aspek operasinya. FGV Holdings Berhad memiliki dan mengendalikan 70 buah kilang minyak sawit dan 176 estet di seluruh Malaysia.

Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

PMU: Kumpulan Kompleks Adela

| Name | Address | Rujukan GPS | |
|-----------------------------------|---|----------------|------------------|
| | | Latitud | Longitud |
| Adela POM (Capacity: 54 MT/hr) | FGV Palm Industries Sdn Bhd Kilang Sawit Adela, 81930 Bandar Penawar, Johor Darul Takzim, Malaysia. | 01° 33' 6.9" N | 104° 11' 10.9" E |
| Kledang 02 Estate | FGVPM Ladang Kledang 02, D/A Pejabat Sening, 81900 Kota Tinggi, Johor Darul Takzim, Malaysia. | 1° 28' 52" N | 104° 10' 52" E |

| Name of estate | Address | Mature OP* (Ha) | Immature OP* (Ha) | Area Summary* | | Annual FFB Production (Ton) ** |
|-------------------|---|-----------------|-------------------|-----------------|-----------------|--------------------------------|
| | | | | Certified (Ha) | Planted (Ha) | |
| Kledang 02 Estate | FGVPM Ladang Kledang 02, D/A Pejabat Sening, 81900 Kota Tinggi, Johor Darul Takzim, Malaysia. | 1,005.19 | 0 | 1,208.71 | 1,005.19 | 5,838.47 |
| Total | | 1,005.19 | 0 | 1,208.71 | 1,005.19 | 5,838.47 |

*Tahun 2019 & ** Dec 2018 – Jul 2019



| Nama Kilang | Alamat | Penghasilan Tahunan* | | Kapasiti Kilang (Ton / Jam) |
|----------------------|---|----------------------|----------|-----------------------------|
| | | CPO (Ton) | PK (Ton) | |
| Kompleks Adela - POM | FGV Palm Industries Sdn Bhd Kilang Sawit Adela, 81930 Bandar Penawar, Johor Darul Takzim, Malaysia | 1,212.65 | 310.02 | 54 |

* Jan – Jul 2019

Intertek Certification International Sdn Bhd adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO SCC, ISCC, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of-Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai:**
 - En. Mohd Hafiz Mat Hussain (Kilang Minyak Sawit, Aspek Undang-Undang, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah dan Rantaian Perolehan di Kilang)
- **Penilai:**
 - En. Mohamad Amirul Saifullah (Temuduga Pemegang Kepentingan, Alam Sekitar dan HCV / Pemuliharaan)
 - Pn. Nor Ezani Ahmad (Temuduga Pemegang Kepentingan, Aspek Undang-Undang, Sosial dan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemuliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

En. Mohd Hafiz Mat Hussain
RSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1
No. 2, Jalan Kerinchi Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel +603 7931 0032
Fax +603 7931 0419
Email: mohdhafiz.mathussain@intertek.com

En. Ahmad Shahrir Ismail
Sustainability Manager
Plantations Sustainability Department (PSD)
FGV Holdings Berhad,
Level 20, West Wisma FGV
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603 2789 0000 Fax: +603 2789 0001
Email: shahrir.i@fgvholdings.com



Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

Mohd Hafiz Mat Hussain
RSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd